

**Embargo sehingga jam 1300,
Selasa, 4 Februari 2020**

PERANGKAAAN PERDAGANGAN LUAR MALAYSIA

PRESTASI PERDAGANGAN LUAR BAGI TAHUN 2019 DAN DISEMBER 2019#

PRESTASI PERDAGANGAN 2019

Lebih Dagangan ke-22 Tahun Berturut-turut

Pada tahun 2019, lebih perdagangan Malaysia terus mencatatkan pertumbuhan dua digit selama 3 tahun berturut-turut, meningkat sebanyak 11% kepada RM137.39 bilion berbanding RM123.78 bilion pada 2018. Ini adalah lebih dagangan Malaysia terbesar sejak 2009 dan merupakan yang ke-22 tahun berturut-turut.

Sejajar dengan permintaan global yang lemah di tengah-tengah ketegangan perdagangan dan keadaan ekonomi luaran yang tidak memberansangkan, jumlah perdagangan menyusut 2.5% kepada RM1.835 trilion. Eksport mencatatkan penurunan secara marginal sebanyak 1.7% kepada RM986.4 bilion, berbanding tahun sebelumnya manakala import berkurang 3.5% kepada RM849.01 bilion.

Perdagangan yang lebih rendah dicatatkan dengan Singapura, Hong Kong SAR, Perancis, Thailand dan Jepun. Walau bagaimanapun, peningkatan perdagangan dicatatkan dengan Amerika Syarikat (AS), Emiriah Arab Bersatu (UAE), Filipina, Kemboja, Mexico dan United Kingdom (UK).

Prestasi Perdagangan dengan Pasaran Utama

ASEAN - Kekal Rakan Dagang Serantau Utama

ASEAN yang menyumbang 26.6% kepada jumlah perdagangan Malaysia pada 2019, mencatatkan penurunan sebanyak 4.4% kepada RM488.91 bilion pada 2019. Eksport ke ASEAN berjumlah RM284.03 bilion, merangkumi 28.8% daripada jumlah eksport Malaysia.

Eksport ke rantau ini mencatatkan penurunan sebanyak 1.1%, disebabkan oleh pengurangan eksport barangan elektrik dan elektronik (E&E) dan barangan berasaskan komoditi terutamanya keluaran petroleum, petroleum mentah serta keluaran getah. Walau bagaimanapun, penurunan ini diimbangi oleh eksport barangan besi dan keluli, jentera, kelengkapan dan peralatan, gas asli cecair (LNG) serta petroleum kondensat dan minyak petroleum lain yang secara kolektif meningkat sebanyak RM7.19 bilion.

Pada tahun 2019, Singapura, Thailand dan Viet Nam kekal sebagai 3 destinasi eksport utama Malaysia, menyumbang 80% kepada jumlah eksport Malaysia ke ASEAN. Sementara itu, kenaikan eksport dicatatkan ke **Filipina** yang meningkat sebanyak 7.3%, **Kemboja** (↑61.1%), **Viet Nam** (↑1.2%) dan **Brunei** (↑3.4%). Eksport ke Kemboja merekodkan peningkatan kukuh pada tahun 2019, mencatatkan kadar terpantas sejak 2001.

Singapura terus menjadi pasaran eksport terbesar di ASEAN dengan syer sebanyak 48.2% daripada jumlah eksport ke rantau ini. Eksport ke Singapura menurun 2.4% kepada RM136.89 bilion, penurunan pertama sejak 2016 berikutan pengurangan eksport barangan E&E, keluaran petroleum dan petroleum mentah.

Eksport ke Thailand turut menyusut sebanyak 2.2% kepada RM55.81 bilion, ekoran eksport barangan E&E yang lebih rendah. Walau bagaimanapun, eksport LNG, jentera, kelengkapan dan peralatan, barangan besi dan keluli serta kelengkapan pengangkutan mencatatkan peningkatan.

Eksport ke Viet Nam mencatatkan pertumbuhan 1.2% kepada RM34.73 bilion, disumbangkan oleh kenaikan eksport barangan E&E dan barangan perkilangan logam. Kedua-dua barangan ini merangkumi 36.3% kepada jumlah eksport ke Viet Nam.

Import dari ASEAN menurun 8.8% kepada RM204.88 bilion. Import utama adalah barangan E&E, keluaran petroleum serta kimia dan bahan kimia.

China – Destinasi Eksport Terbesar Malaysia pada 2019

China kekal sebagai rakan dagang terbesar Malaysia selama 11 tahun berturut-turut dan menyumbang 17.2% kepada jumlah perdagangan Malaysia pada 2019. Perdagangan dengan China bernilai RM315.19 bilion dengan kenaikan marginal sebanyak 0.2% berbanding 2018.

Pada tahun 2019, eksport ke China berjumlah RM139.61 bilion, merangkumi 14.2% daripada jumlah eksport. China mengatasi Singapura sebagai destinasi eksport utama Malaysia selepas menjadi destinasi eksport ke-2 terbesar sejak 2012.

Eksport ke China meningkat 0.3% dengan kenaikan eksport bagi pelbagai jenis barangan terutamanya barangan besi dan keluli, LNG, barangan kertas dan palpa, minyak sawit dan keluaran pertanian berasaskan minyak sawit, barangan perkilangan logam, barangan optik dan saintifik serta barangan makanan diproses. Eksport minyak sawit dan keluaran pertanian berasaskan minyak sawit ke China kembali meningkat sebanyak 17.8%, selepas mencatatkan penurunan selama 7 tahun berturut-turut.

China kekal sebagai sumber import terbesar Malaysia, menyumbang 20.7% kepada jumlah import pada 2019. Import dari China meningkat 0.1% kepada RM175.59 bilion, berikutan import keluaran petroleum, kelengkapan pengangkutan dan barangan perkilangan plastik yang lebih tinggi.

EU – Barangan Perkilangan Mencecah Nilai Syer Tertinggi iaitu 91.3% dalam Tempoh 19 Tahun

Perdagangan dengan EU pada tahun 2019 bernilai RM174.65 bilion atau menyumbang 9.5% kepada jumlah perdagangan Malaysia, 4.8% lebih rendah berbanding 2018.

Eksport ke EU menyusut 2.9% kepada RM95.78 bilion berikutan pengurangan eksport barangan perkilangan logam, minyak sawit dan keluaran pertanian berasaskan minyak sawit, kimia dan bahan kimia serta barangan besi dan keluli. Walau bagaimanapun, prestasi eksport yang lebih baik dicatatkan bagi eksport jentera, kelengkapan dan peralatan, keluaran petroleum, kelengkapan pengangkutan, barangan perkilangan berasaskan minyak sawit dan barangan makanan diproses yang secara kolektif meningkat sebanyak RM1.44 bilion. Barangan perkilangan terus mendominasi eksport ke rantau ini dengan syer berkembang kepada 91.3%, merupakan nilai tertinggi sejak tahun 2001, berbanding keluaran pertanian dan hasil galian.

Di antara 10 pasaran utama yang merangkumi 90.5% daripada jumlah eksport Malaysia ke EU, 3 negara mencatatkan peningkatan iaitu **Sepanyol** yang mencatatkan pertumbuhan dua digit bagi 3 tahun berturut-turut, meningkat 15.3%, **UK** (↑5.2%) dan **Hungary** (↑1.9%).

Import dari EU menurun 7% kepada RM78.88 bilion dengan barangan import utama merupakan barangan E&E, jentera, kelengkapan dan peralatan serta kelengkapan pengangkutan.

AS – Kenaikan Eksport ke AS bagi 6 Tahun Berturut-turut

Perdagangan dengan AS berkembang 5.6% kepada RM164.45 bilion, merangkumi 9% daripada jumlah perdagangan Malaysia pada tahun 2019. Eksport ke AS mencatatkan peningkatan selama 6 tahun berturut-turut, naik 5.5% kepada RM95.78 bilion, mencecah nilai tertinggi sejak 2007.

Kenaikan eksport disumbangkan terutamanya oleh barangan perkilangan yang meningkat sebanyak 6.4% kepada RM93.07 bilion dan menyumbang 97.2% kepada jumlah eksport Malaysia ke negara ini. Ini disokong oleh pertambahan eksport barangan E&E, barangan kayu, barangan perkilangan plastik dan barangan makanan diproses. Eksport barangan E&E kembali pulih, meningkat 7.7% dan mencecah nilai tertinggi sebanyak RM50.91 bilion sejak 2009. Ia mewakili 53.2% daripada eksport Malaysia ke AS.

Import dari AS meningkat 5.7% kepada RM68.67 bilion di mana import utama adalah barangan E&E, kimia dan bahan kimia serta jentera, kelengkapan dan peralatan.

Jepun – Rakan Dagang ke-4 Terbesar bagi 5 Tahun Berturut-turut

Jepun kekal sebagai rakan dagang ke-4 terbesar Malaysia sejak tahun 2015. Walau bagaimanapun, perdagangan dengan Jepun mencatatkan penurunan sebanyak 4% kepada RM128.83 bilion pada 2019. Perdagangan dengan Jepun menyumbang 7% kepada jumlah perdagangan Malaysia.

Eksport menyusut 7.3% kepada RM65.25 bilion, disebabkan oleh penurunan eksport LNG, barangan kayu dan barangan E&E. Kesemua barangan ini menyumbang 58.9% kepada jumlah eksport Malaysia ke Jepun. Namun begitu, eksport kelengkapan pengangkutan dan barangan makanan diproses masing-masing mencatatkan pertumbuhan ketara sebanyak 39.9% kepada RM992 juta dan 20.1% kepada RM1.14 bilion. Kedua-dua barangan ini mencatatkan nilai eksport tertinggi setakat ini.

Import dari Jepun berkurang 0.4% kepada RM63.58 bilion pada tahun 2019. Import utama adalah barangan E&E, jentera, kelengkapan dan peralatan serta kelengkapan pengangkutan.

Pasaran FTA

Pada tahun 2019, perdagangan dengan rakan dagang Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) menurun 3.4% kepada RM1.224 trilion dan menyumbang 66.7% kepada jumlah

perdagangan Malaysia. Eksport ke rakan dagang FTA berkurang 3.2% kepada RM672.11 bilion, mewakili 68.1% daripada jumlah eksport Malaysia. Barangan eksport utama adalah barangan E&E, keluaran petroleum serta kimia dan bahan kimia dimana merangkumi 51.4% daripada jumlah eksport Malaysia ke pasaran FTA.

Import menyusut 3.7% kepada RM551.45 bilion dengan barangan import utama adalah barangan E&E, keluaran petroleum serta kimia dan bahan kimia.

Lain-lain Pasaran Eksport

Pada tahun 2019, pasaran lain yang mencatatkan peningkatan ketara dalam eksport adalah **Mexico, Bangladesh, Sri Lanka, Qatar, Kenya, Togo** dan **Nigeria**. Eksport ke **Mexico** meningkat 8% kepada RM9.05 bilion berikutan kenaikan eksport kimia dan bahan kimia. Eksport ke **Bangladesh** meningkat 7.6% kepada RM9.7 bilion, **Sri Lanka** (↑23.2% kepada RM3.56 bilion), **Qatar** (↑64.9% kepada RM1.63 bilion), **Kenya** (↑58.6% kepada RM1.5 bilion), **Togo** (↑75.1% kepada RM1.02 bilion) dan **Nigeria** (↑16.6% kepada RM2.01 bilion) disumbangkan oleh peningkatan eksport keluaran petroleum.

Prestasi Sektor Utama

Syer Tertinggi bagi Barangan Perkilangan Sejak 2003

Pada tahun 2019, eksport barangan perkilangan bernilai RM834.17 bilion dan merupakan penyumbang terbesar kepada jumlah eksport negara sebanyak 84.6% berbanding 83.4% pada 2018.

Barangan E&E merupakan penyumbang terbesar kepada komposisi eksport negara pada 2019, iaitu sebanyak 37.8% atau RM372.67 bilion walaupun mencatatkan penurunan 2.3% atau RM8.88 bilion. Pengurangan ini disebabkan oleh eksport yang lebih rendah bagi unit penstoran bagi komputer, komputer serta kelengkapan pemprosesan data. Kenaikan eksport barangan E&E yang melebihi RM1 bilion telah direkodkan, di antaranya:

- Peralatan untuk penghantaran atau penerimaan suara, imej dan data, meningkat 19.3% kepada RM13.03 bilion;
- Alat ganti bagi litar bersepadu elektronik, ↑14.5% kepada RM13.98 bilion;
- Mikrofon, pembesar suara, fon kepala dan telinga, set amplifier dan alat ganti, ↑20.2% kepada RM7.75 bilion;
- Panel kawalan elektrik dan alat ganti, ↑21.8% kepada RM6.64 bilion; dan
- Peralatan semikonduktor fotosensitif, ↑6.5% kepada RM19.39 bilion.

Penurunan eksport barangan E&E dicatatkan ke China, Hong Kong SAR, Singapura, Thailand dan Jerman. Walau bagaimanapun, peningkatan eksport dicatatkan ke Taiwan, Amerika Syarikat, Belanda dan Viet Nam.

Barangan perkilangan lain yang menyumbang kepada perkembangan eksport bagi tahun 2019 adalah:

- Barangan besi dan keluli, meningkat 28.3% kepada RM19.89 bilion;
- Barangan makanan diproses, ↑12.1% kepada RM21.77 bilion;
- Barangan optik dan saintifik, ↑5.5% kepada RM38.56 bilion;
- Barangan galian bukan logam, ↑24.5% kepada RM9.06 bilion;
- Barangan kertas dan palpa, ↑29.3% kepada RM6.4 bilion;
- Kelengkapan pengangkutan, ↑6.1% kepada RM19.14 bilion;
- Jentera, kelengkapan dan peralatan, ↑1.8% kepada RM41.39 bilion; dan
- Tekstil, pakaian dan kasut; ↑4.2% kepada RM15.53 bilion.

Hasil Galian

Eksport hasil galian menurun 10.6% kepada RM80.37 bilion. Sektor ini merangkumi 8.1% syer daripada jumlah eksport pada tahun 2019. Eksport petroleum mentah menyusut 28.1% kepada RM26.35 bilion berikutan penurunan Nilai Unit Purata (AUV) dan kuantiti. Namun begitu, eksport petroleum kondensat dan minyak petroleum lain melonjak 80.8%.

Keluaran Pertanian

Eksport keluaran pertanian menyusut 3.2% kepada RM64.86 bilion, merangkumi 6.6% daripada jumlah eksport pada tahun 2019. Eksport minyak sawit dan keluaran pertanian berasaskan sawit menurun 3.6% kepada RM43.1 bilion, disebabkan terutamanya oleh pengurangan eksport minyak isirung sawit berikutan penurunan AUV.

Prestasi Import

Barangan Pengantara dan Modal Merangkumi 66.8% daripada Import

Pada tahun 2019, jumlah import Malaysia menurun 3.5% kepada RM849.01 bilion. Tiga barangan import utama yang menyumbang 75.6% kepada jumlah import negara pada tahun 2019 seperti berikut:

- Barang pengantara bernilai RM467.18 bilion atau 55% daripada jumlah import, meningkat 1.1% berbanding tahun 2018, berikutan peningkatan import bekalan perusahaan utama, khasnya bijih;
- Barang modal (RM100.32 bilion atau 11.8% daripada jumlah import), ↓10.8%, disebabkan terutamanya oleh pengurangan import kelengkapan pengangkutan bagi industri terutamanya pesawat; dan
- Barang penggunaan (RM74.01 bilion atau 8.7% daripada jumlah import), ↑1.3%, hasil kenaikan import barang tidak tahan lama khasnya barangan farmaseutikal.

China kekal sebagai sumber import terbesar sejak 2011, diikuti oleh Singapura, AS, Jepun dan Taiwan. Secara kolektif negara-negara ini menyumbang 53.5% kepada jumlah import. Import dari ASEAN berjumlah RM204.88 bilion atau 24.1% daripada jumlah import Malaysia manakala import dari EU merangkumi 9.3% syer, dengan nilai sebanyak RM78.88 bilion.

PRESTASI PERDAGANGAN BAGI SUKU KEEMPAT 2019

S4 2019 – Lebihan Dagangan Meningkat 0.6%

Jumlah perdagangan bagi suku keempat (S4) 2019 menyusut 3.6% kepada RM479.22 bilion berbanding S4 2018. Eksport menurun 3.3% kepada RM257.87 bilion dan import merosot 4% kepada RM221.35 bilion. Ini menghasilkan lebihan dagangan sebanyak RM36.52 bilion, meningkat 0.6%.

Berbanding suku ketiga (S3) 2019, jumlah perdagangan, eksport dan import masing-masing meningkat 4.1%, 4.4% dan 3.7%.

PRESTASI PERDAGANGAN BAGI DISEMBER 2019

Eksport Disember Meningkat 2.7% tahun ke tahun, Kadar Terpentas bagi 2019

Jumlah perdagangan Malaysia pada Disember 2019 merekodkan pertumbuhan 1.9% kepada RM160.22 bilion berbanding tahun lalu. Peningkatan perdagangan yang ketara telah direkodkan dengan China, UAE, Indonesia dan AS. Lebihan dagangan bernilai RM12.58 bilion, 14.7% lebih tinggi berbanding dengan bulan yang sama pada tahun 2018. Ini merupakan lebihan perdagangan ke-266 bulan berturut-turut sejak November 1997.

Eksport kembali meningkat pada Disember dengan pertumbuhan sebanyak 2.7% kepada RM86.4 bilion, selepas 4 bulan berturut-turut mencatatkan penurunan. Ini disokong oleh eksport barangan perkilangan dan keluaran pertanian yang lebih tinggi terutamanya keluaran petroleum, minyak sawit dan keluaran pertanian berasaskan minyak sawit, barangan besi dan keluli serta kelengkapan pengangkutan. Barangan perkilangan menyumbang 84.4% kepada jumlah eksport, hasil galian (8.3%) dan keluaran pertanian (6.6%). Barangan eksport utama adalah:

- Barangan E&E bernilai RM31.05 bilion, dengan syer 35.9% daripada jumlah eksport, menurun 5.4% berbanding Disember 2018;

- Keluaran petroleum (RM7.01 bilion, 8.1%, ↑36.5%);
- Kimia dan bahan kimia (RM4.97 bilion, 5.8%, ↓7.3%);
- Minyak sawit dan keluaran pertanian berasaskan minyak sawit (RM3.97 bilion, 4.6%, ↑34.2%); dan
- Barangan optik dan saintifik (RM3.63 bilion, 4.2%, ↑11.9%).

Import pada Disember 2019 meningkat 0.9% kepada RM73.82 bilion berbanding Disember 2018 disokong oleh peningkatan import barang pengantara dan penggunaan. Tiga kategori utama import mengikut penggunaan akhir adalah:

- Barang pengantara bernilai RM41.85 bilion atau 56.7% daripada jumlah import, meningkat 6%;
- Barang modal (RM8.62 bilion atau 11.7% daripada jumlah import, ↓10.9%); dan
- Barang penggunaan (RM6.82 bilion atau 9.2% daripada jumlah import, ↑3.2%).

Perbandingan bulan ke bulan, jumlah perdagangan dan eksport masing-masing naik 3.3% dan 6.8% manakala import menyusut 0.6%.

Nota:

Perlu diambil perhatian bahawa dari segi konsep, angka eksport dan import dalam perangkaan perdagangan luar negeri adalah berbeza daripada apa yang terdapat dalam akaun barangan untuk perhitungan imbalan pembayaran. Penyusunan perangkaan perdagangan antarabangsa biasanya dibuat berdasarkan rekod kastam yang mencerminkan pergerakan barangan fizikal dari satu sempadan ke sempadan yang lain, dan mengikut garis panduan antarabangsa mengenai konsep-konsep dan definisi-definisi contohnya International Merchandise Trade Statistics: Concepts and Definitions 2010 (IMTS 2010) yang berbeza dengan prinsip-prinsip Sistem Akaun Negara (SNA) dan perhitungan Imbalan Pembayaran (BOP). Dalam SNA, barangan didefinisikan sebagai "barangan fizikal yang ada permintaan dan di mana hak milik boleh dikenal pasti serta hak miliknya boleh dipindahkan dari satu institusi ke institusi lain melalui pasaran".

Ini adalah keluaran awalan, keterangan terperinci akan diterbitkan dalam laporan "PERANGKAAAN PERDAGANGAN LUAR NEGERI BULANAN" yang akan dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, untuk kegunaan umum pada jam 1300, Selasa, 4 Februari 2020 dan boleh dimuat turun melalui eStatistik di portal Jabatan Perangkaan Malaysia (<https://newss.statistics.gov.my/newss-ortalx/ep/epLogin.seam>).

+ Siaran media ini boleh diakses daripada portal Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (<http://www.miti.gov.my>) dan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (<http://www.matrade.gov.my>).

Data bulan Disember 2019 adalah provisional dan tertakluk kepada semakan/pindaan dalam keluaran berikutnya.

Mulai bulan rujukan April 2018, pemilihan kod untuk eksport dan import bagi minyak sawit dan keluaran berasaskan minyak sawit telah dikaji semula serta dikemaskini untuk lebih mewakili barangan tersebut, dan ini telah menyebabkan sedikit perubahan pada data.

19 rakan dagang FTA terdiri daripada China, Singapura, Jepun, Thailand, Republik Korea, Indonesia, India, Australia, Viet Nam, Filipina, New Zealand, Turki, Pakistan, Myanmar, Kemboja, Brunei, Chile, Lao PDR dan Hong Kong SAR.

JADUAL 1 : RINGKASAN PERDAGANGAN LUAR MALAYSIA

Tahun/ Tempoh	<u>Jumlah</u> <u>Eksport</u> (RM Juta)	<u>Jumlah</u> <u>Import</u> (RM Juta)	<u>Imbangan</u> <u>Perdagangan</u> (RM Juta)	<u>Jumlah</u> <u>Perdagangan</u> (RM Juta)
2018^f				
Januari	83,252.4	73,201.3	10,051.1	156,453.7
Februari	70,552.3	61,416.8	9,135.6	131,969.1
Mac	84,855.7	69,896.7	14,959.0	154,752.4
April	84,636.4	71,373.5	13,262.9	156,009.9
Mei	82,862.0	74,039.6	8,822.4	156,901.6
Jun	78,845.2	72,746.2	6,098.9	151,591.4
Julai	86,474.6	78,349.1	8,125.5	164,823.8
Ogos	81,982.2	80,536.1	1,446.1	162,518.3
September	83,341.9	67,770.9	15,571.0	151,112.9
Oktober	97,122.0	80,270.5	16,851.6	177,392.5
November	85,542.5	77,046.3	8,496.2	162,588.8
Disember	84,119.5	73,156.9	10,962.6	157,276.5
2019^p				
Januari	85,399.9	73,885.7	11,514.2	159,285.5
Februari	66,599.5	55,543.1	11,056.4	122,142.5
Mac	84,063.2	69,678.9	14,384.2	153,742.1
April	85,155.0	74,345.6	10,809.4	159,500.6
Mei	84,138.2	75,062.7	9,075.5	159,201.0
Jun	76,143.2	65,631.0	10,512.2	141,774.2
Julai	87,958.4	73,682.5	14,275.9	161,640.9
Ogos	81,357.4	70,460.9	10,896.4	151,818.3
September	77,721.3	69,367.2	8,354.0	147,088.5
Oktober	90,594.0	73,268.2	17,325.8	163,862.1
November	80,872.3	74,261.3	6,610.9	155,133.6
Disember	86,400.3	73,822.0	12,578.3	160,222.4
Perubahan m-o-m(%)	6.8	-0.6	90.3	3.3
Perubahan y-o-y (%)	2.7	0.9	14.7	1.9

2018 ^f				
S1	238,660.4	204,514.8	34,145.7	443,175.2
S2	246,343.6	218,159.3	28,184.2	464,502.9
S3	251,798.7	226,656.2	25,142.6	478,454.9
S4	266,784.1	230,473.7	36,310.4	497,257.8
2019 ^p				
S1	236,062.5	199,107.7	36,954.8	435,170.2
S2	245,436.4	215,039.3	30,397.1	460,475.7
S3	247,037.0	213,510.6	33,526.3	460,547.6
S4	257,866.6	221,351.5	36,515.0	479,218.1
Perubahan q-o-q (%)	4.4	3.7	8.9	4.1
Perubahan y-o-y (%)	-3.3	-4.0	0.6	-3.6
2018^f	1,003,586.9	879,804.0	123,782.9	1,883,390.9
2019^p	986,402.5	849,009.2	137,393.3	1,835,411.7
Perubahan (%)	-1.7	-3.5	11.0	-2.5

Nota: Jumlah tidak semestinya terhasil disebabkan pembundaran.

JADUAL 2: BARANGAN UTAMA EKSPORT

Barangan	Disember 2019 ^P	November 2019 ^P	Disember 2018 ^f	Perubahan m-o-m	Perubahan y-o-y
	RM Juta	RM Juta	RM Juta	%	%
Jumlah Eksport	86,400.3	80,872.3	84,119.5	6.8	2.7
Barangan E&E	31,047.1	27,595.9	32,812.5	12.5	-5.4
Keluaran Petroleum	7,012.9	6,258.5	5,136.5	12.1	36.5
Kimia & Bahan Kimia	4,970.1	4,777.0	5,359.0	4.0	-7.3
Minyak Sawit & Keluaran Pertanian Berasaskan Minyak Sawit	3,970.4	3,575.4	2,958.1	11.0	34.2
Barangan Optik & Saintifik	3,633.9	3,584.0	3,246.1	1.4	11.9
Jentera, Kelengkapan & Peralatan	3,633.8	3,525.2	3,395.6	3.1	7.0
LNG	3,557.2	3,214.2	4,518.8	10.7	-21.3
Barangan Perkilangan Logam	3,165.7	3,449.8	3,238.0	-8.2	-2.2
Petroleum Mentah	2,494.6	2,194.9	3,293.9	13.7	-24.3
Keluaran Getah	2,385.5	2,283.2	2,237.1	4.5	6.6

JADUAL 3: PASARAN UTAMA EKSPORT

Pasaran	Disember 2019 ^P	November 2019 ^P	Disember 2018 ^f	Perubahan m-o-m	Perubahan y-o-y
	RM Juta	RM Juta	RM Juta	%	%
Jumlah Eksport	86,400.3	80,872.3	84,119.5	6.8	2.7
China	13,666.8	12,545.3	11,597.7	8.9	17.8
Singapura	11,572.8	11,541.1	11,895.0	0.3	-2.7
AS	9,086.7	7,829.7	7,895.8	16.1	15.1
Hong Kong SAR	5,322.8	4,684.6	6,502.1	13.6	-18.1
Jepun	5,312.3	5,039.6	6,167.8	5.4	-13.9
Thailand	4,117.1	4,078.4	4,443.3	0.9	-7.3
Taiwan	3,338.9	2,777.6	2,617.4	20.2	27.6
Indonesia	3,310.6	3,133.8	2,331.2	5.6	42.0
ROK	3,251.3	2,987.5	3,198.9	8.8	1.6
Viet Nam	3,248.1	2,984.4	2,894.8	8.8	12.2

JADUAL 4: BARANGAN UTAMA EKSPORT (SUKU TAHUNAN)

Barangan	S4 2019 ^p	S3 2019 ^p	S4 2018 ^f	Perubahan q-o-q	Perubahan y-o-y
	RM Juta	RM Juta	RM Juta	%	%
Jumlah Eksport	257,866.6	247,037.0	266,784.1	4.4	-3.3
Barangan E&E	96,039.9	94,753.4	102,669.6	1.4	-6.5
Keluaran Petroleum	19,094.5	17,214.2	20,737.0	10.9	-7.9
Kimia & Bahan Kimia	14,702.2	13,982.0	16,068.4	5.2	-8.5
Minyak Sawit & Keluaran Pertanian Berasaskan Minyak Sawit	11,276.3	10,533.1	10,782.9	7.1	4.6
Barangan Optik & Saintifik	11,245.7	9,399.3	9,872.3	19.6	13.9
Jentera, Kelengkapan & Peralatan	10,602.1	10,481.1	10,049.1	1.2	5.5
LNG	10,398.2	9,513.2	13,907.7	9.3	-25.2
Barangan Perkilangan Logam	10,119.4	10,891.5	11,153.5	-7.1	-9.3
Keluaran Getah	6,802.4	6,359.7	6,894.5	7.0	-1.3
Petroleum Mentah	6,565.5	5,505.5	9,949.5	19.3	-34.0

JADUAL 5: PASARAN UTAMA EKSPORT (SUKU TAHUNAN)

Pasaran	S4 2019 ^p	S3 2019 ^p	S4 2018 ^f	Perubahan q-o-q	Perubahan y-o-y
	RM Juta	RM Juta	RM Juta	%	%
Jumlah Eksport	257,866.6	247,037.0	266,784.1	4.4	-3.3
China	39,797.7	35,679.1	38,920.2	11.5	2.3
Singapura	37,037.5	34,019.5	38,373.7	8.9	-3.5
AS	25,787.8	24,909.8	23,887.8	3.5	8.0
Hong Kong SAR	17,407.7	16,676.4	19,832.6	4.4	-12.2
Jepun	15,772.1	15,585.8	18,948.4	1.2	-16.8
Thailand	13,102.5	13,113.2	15,219.9	-0.1	-13.9
Taiwan	10,356.7	9,376.6	9,548.9	10.5	8.5
Viet Nam	9,288.6	8,588.0	9,364.3	8.2	-0.8
ROK	9,151.9	8,449.4	9,901.7	8.3	-7.6
Indonesia	9,103.8	7,578.5	7,904.8	20.1	15.2

JADUAL 6: BARANGAN UTAMA EKSPORT (2019)

Barangan	2019 ^p	2018 ^f	Perubahan
	RM Juta	RM Juta	%
Jumlah Eksport	986,402.5	1,003,586.9	-1.7
Barangan E&E	372,668.2	381,544.6	-2.3
Keluaran Petroleum	71,509.1	76,160.9	-6.1
Kimia & Bahan Kimia	57,005.9	57,714.6	-1.2
Minyak Sawit & Keluaran Pertanian Berasaskan Minyak Sawit	43,103.5	44,733.4	-3.6
LNG	41,537.4	42,321.8	-1.9
Barangan Perkilangan Logam	41,492.9	44,663.6	-7.1
Jentera, Kelengkapan & Peralatan	41,389.7	40,668.0	1.8
Barangan Optik & Sainifik	38,560.9	36,563.3	5.5
Petroleum Mentah	26,346.1	36,649.4	-28.1
Keluaran Getah	25,634.1	26,491.3	-3.2

JADUAL 7: PASARAN UTAMA EKSPORT (2019)

Pasaran	2019 ^p	2018 ^f	Perubahan
	RM Juta	RM Juta	%
Jumlah Eksport	986,402.5	1,003,586.9	-1.7
China	139,605.4	139,147.3	0.3
Singapura	136,888.3	140,248.9	-2.4
AS	95,782.5	90,810.9	5.5
Hong Kong SAR	66,544.8	74,831.0	-11.1
Jepun	65,247.0	70,384.6	-7.3
Thailand	55,810.4	57,060.8	-2.2
India	37,548.8	36,343.0	3.3
Taiwan	36,945.0	32,814.1	12.6
Viet Nam	34,729.1	34,329.2	1.2
ROK	33,761.9	34,237.3	-1.4

JADUAL 8: BARANGAN UTAMA IMPORT

Barangan	Disember 2019 ^p	November 2019 ^p	Disember 2018 ^f	Perubahan m-o-m	Perubahan y-o-y
	RM Juta	RM Juta	RM Juta	%	%
Jumlah Import	73,822.0	74,261.3	73,156.9	-0.6	0.9
Barangan E&E	20,832.9	21,580.3	22,210.4	-3.5	-6.2
Keluaran Petroleum	6,745.4	8,734.7	6,299.7	-22.8	7.1
Kimia & Bahan Kimia	6,583.4	6,701.9	6,945.9	-1.8	-5.2
Jentera, Kelengkapan & Peralatan	5,897.7	5,703.1	6,202.9	3.4	-4.9
Barangan Perkilangan Logam	4,271.4	4,494.9	4,005.6	-5.0	6.6
Kelengkapan Pengangkutan	3,347.7	3,779.8	3,527.2	-11.4	-5.1
Petroleum Mentah	2,680.0	1,113.2	1,890.9	140.7	41.7
Barangan Besi & Keluli	2,601.1	2,545.5	2,399.8	2.2	8.4
Barangan Optik & Sainifik	2,138.3	2,197.4	1,968.7	-2.7	8.6
Barangan Makanan Diproses	1,774.2	1,895.3	1,854.6	-6.4	-4.3

JADUAL 9: SUMBER UTAMA IMPORT

Sumber	Disember 2019 ^p	November 2019 ^p	Disember 2018 ^f	Perubahan m-o-m	Perubahan y-o-y
	RM Juta	RM Juta	RM Juta	%	%
Jumlah Import	73,822.0	74,261.3	73,156.9	-0.6	0.9
China	15,956.2	16,572.0	15,482.5	-3.7	3.1
Singapura	7,217.5	8,353.4	7,610.2	-13.6	-5.2
Jepun	6,230.6	5,635.3	5,373.6	10.6	15.9
AS	5,772.2	6,367.9	5,754.2	-9.4	0.3
Taiwan	4,775.5	4,795.7	5,167.6	-0.4	-7.6
Thailand	3,440.1	3,604.7	4,159.1	-4.6	-17.3
Indonesia	3,430.0	3,131.1	3,170.5	9.5	8.2
ROK	3,054.0	3,288.6	3,126.6	-7.1	-2.3
Emiriah Arab Bersatu	2,709.5	2,070.5	816.7	30.9	231.8
India	2,427.6	2,286.5	2,301.7	6.2	5.5

JADUAL 10: BARANGAN UTAMA IMPORT (SUKU TAHUNAN)

Barangan	S4 2019 ^p	S3 2019 ^p	S4 2018 ^f	Perubahan q-o-q	Perubahan y-o-y
	RM Juta	RM Juta	RM Juta	%	%
Jumlah Import	221,351.5	213,510.6	230,473.7	3.7	-4.0
Barangan E&E	64,290.4	61,647.0	68,066.4	4.3	-5.5
Keluaran Petroleum	21,891.3	18,342.2	25,465.1	19.3	-14.0
Kimia & Bahan Kimia	19,756.0	21,226.4	21,701.7	-6.9	-9.0
Jentera, Kelengkapan & Peralatan	17,282.1	18,087.0	18,621.2	-4.5	-7.2
Barangan Perkilangan Logam	13,965.5	10,994.3	12,270.7	27.0	13.8
Kelengkapan Pengangkutan	10,414.3	9,813.7	11,231.2	6.1	-7.3
Barangan Besi & Keluli	8,118.2	8,489.4	7,503.3	-4.4	8.2
Barangan Optik & Saintifik	6,508.4	6,218.6	5,964.4	4.7	9.1
Barangan Makanan Diproses	5,391.8	5,041.9	5,435.5	6.9	-0.8
Petroleum Mentah	5,215.3	6,500.6	5,698.2	-19.8	-8.5

JADUAL 11: SUMBER UTAMA IMPORT (SUKU TAHUNAN)

Sumber	S4 2019 ^p	S3 2019 ^p	S4 2018 ^f	Perubahan q-o-q	Perubahan y-o-y
	RM Juta	RM Juta	RM Juta	%	%
Jumlah Import	221,351.5	213,510.6	230,473.7	3.7	-4.0
China	46,400.3	44,561.0	45,128.4	4.1	2.8
Singapura	24,654.5	21,956.5	26,993.6	12.3	-8.7
AS	18,398.6	17,360.7	17,063.7	6.0	7.8
Jepun	17,467.3	15,946.0	16,347.6	9.5	6.8
Taiwan	14,214.3	13,992.4	16,785.5	1.6	-15.3
Thailand	10,932.8	10,666.9	12,438.0	2.5	-12.1
Indonesia	10,217.0	10,058.7	11,067.1	1.6	-7.7
ROK	9,475.5	10,821.4	10,434.0	-12.4	-9.2
India	7,071.0	6,168.6	8,036.7	14.6	-12.0
Australia	6,471.3	5,793.7	5,958.9	11.7	8.6

JADUAL 12: BARANGAN UTAMA IMPORT (2019)

Barangan	2019 ^p	2018 ^f	Perubahan
	RM Juta	RM Juta	%
Jumlah Import	849,009.2	879,804.0	-3.5
Barangan E&E	245,463.8	262,622.7	-6.5
Kimia & Bahan Kimia	81,553.6	82,934.1	-1.7
Keluaran Petroleum	77,507.9	86,014.7	-9.9
Jentera, Kelengkapan & Peralatan	69,639.0	73,778.4	-5.6
Barangan Perkilangan Logam	47,102.9	46,147.6	2.1
Kelengkapan Pengangkutan	40,781.6	45,170.9	-9.7
Barangan Besi & Keluli	31,185.4	30,978.4	0.7
Petroleum Mentah	25,186.6	21,646.4	16.4
Barangan Optik & Saintifik	24,177.2	23,395.9	3.3
Barangan Makanan Diproses	20,275.0	19,953.6	1.6

JADUAL 13: SUMBER UTAMA IMPORT (2019)

Sumber	2019 ^p	2018 ^f	Perubahan
	RM Juta	RM Juta	%
Jumlah Import	849,009.2	879,804.0	-3.5
China	175,589.3	175,416.5	0.1
Singapura	89,546.9	103,071.1	-13.1
AS	68,668.9	64,947.3	5.7
Jepun	63,583.6	63,857.5	-0.4
Taiwan	57,027.2	63,576.2	-10.3
Thailand	44,167.5	48,623.7	-9.2
ROK	38,804.4	39,283.9	-1.2
Indonesia	38,799.7	40,490.3	-4.2
Jerman	26,745.4	26,380.4	1.4
India	24,285.1	26,497.0	-8.3

Sumber : Jabatan Perangkaan, Malaysia
 Disediakan oleh: MATRADE

Nota:

p - data provisional

f – data muktamad

CARTA 1: PERDAGANGAN LUAR MALAYSIA BULANAN, 2013 – 2019

